

Bahagian A : (10 markah)

Pilih perkataan berlawan/berpasang maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah bagi setiap item.

1. Perempuan tua itu mempunyai dua orang anak teruna.

dara

wanita

nenek

janda

2. Jangan berenang di dalam air yang keruh itu.

tawar

luas

tohor

jernih

3. Bapa lebih suka tinggal di desa.

dusun

kota

kampung

sawah

4. Kami pergi memancing sewaktu air pasang.

cabut

surut

besar

turun

5. Salimah dan Asmah ialah kawan sedarjah saya.

jiran

seteru

rapat

rakan

Bahagian B : (10 markah)

Pilih perkataan seerti/seiras maknanya dengan perkataan yang bergaris bawah bagi setiap item di bawah ini.

1. Budak kecil itu telah terjatuh ke dalam telaga usang itu.

laut

kolam

perigi

tasik

2. Makcik saya menanam pokok belimbing.

dahan

kelapa

bunga

pohon

3. Pasu itu telah diselaputi debu.

batu

pasir

air

habuk

4. Air di dalam longkang itu mengalir dengan deras.

kencang

laju

perlahan

lembut

5. Dia tidak bersedih walaupun telah tewas di dalam peraduan tersebut.

kalah

timbul

murah

menang

Bahagian C : (10 markah)

Pilih penjodoh bilangan yang sesuai bagi setiap item di bawah ini.

1. Emak membeli tiga _____ sabun.

buku

batang

ketul

bentuk

2. Farid telah membeli se_____ peti televisyen untuk menggantikan peti televisyennya yang telah rosak.

biji

buah

keping

tandan

3. Di dalam tangki itu ada sepuluh _____ ikan emas.

ulas

sisir

helai

ekor

4. Siti makan dua _____ roti jala.

keping

bilah

pucuk

utas

5. Emak menghiris se_____ bawang.

bentuk

batang

ulas

utas

Bahagian D : (10 markah)

Pilih kata hubung yang sesuai bagi setiap item di bawah ini.

1. Dia tidak putus asa _____ telah gagal di dalam peperiksaannya.

supaya

namun

walaupun

dan

2. Emak merendahkan suaranya _____ adik tidak terjaga dari tidur.

kerana

serta

supaya

semasa

3. _____ dia tidak berlari dengan pantas, dia tidak akan berjaya sampai ke garisan penamat terlebih dahulu.

Jika

Sungguhpun

Atau

Namun

4. Dia bersedih _____ telah kehilangan bapanya.

walaupun

kerana

dan

namun

5. Dia tertidur _____ mengulang kaji.

supaya

hingga

dan

semasa

Bahagian E : (10 markah)

Pilih peribahasa yang sesuai bagi setiap frasa yang bergaris bawah di dalam setiap item ini.

1. Walaupun dia hanya anak pungut tetapi Salleh menyayanginya seperti anak kandungnya sendiri.

anak kapal

anak buah

anak angkat

anak patung

2. Walaupun Azmi tidak suka bercakap tetapi pada lahirnya, dia seorang yang baik hati.

mulut murai

berat tulang

berat tangan

berat mulut

3. Pemuda itu telah ditangkap kerana mengambil rasuah.

makan angin

ambil angin

makan suap

makan angkat

4. Selepas makan nasi, dia menjamah makanan ringan yang ibu sediakan itu sambil berbual-bual.

mulut tempayan

makan diri

makan hati

pembasuh mulut

5. Walaupun dia kaya tetapi dia seorang yang kedekut.

tua keladi

tangkai jering

muka tembok

kaki bangku

Bahagian F : (10 markah)

Pilih kata gandaan yang sesuai bagi setiap item di bawah ini. Kemudian, tulis abjad pilihan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.

(A) rumput-rumpai	(B) kusut-masai
(C) kenduri-kendara	(D) kunang-kunang
(E) kaya-raya	(F) punah-ranah

1. Tanah yang terbiar itu telah ditumbuhi ().

2. Majlis () hendaklah dibuat secara sederhana supaya tidak membazir.

3. Kampung itu () setelah dilanda ribut taufan.

4. Walaupun dia () tetapi dia tidak sombong.

5. () akan bercahaya bila terbang di waktu malam.

Bahagian G : (10 markah)

Berikan kata dasar bagi perkataan yang bergaris bawah di dalam setiap item di bawah ini. Kemudian, tuliskan jawapan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.

1. Dia gemar pergi memancing.

2. Ibu sedang mandikan adik.

3. Pekerja-pekerja itu sedang membina sebuah jambatan.

4. Bapa Osman pernah bekerja sebagai seorang penoreh getah.

5. Datuk sedang mengasap sebilah keris pusaka.

Bahagian H : (10 markah)

Tuliskan perkataan yang sesuai bagi setiap tempat kosong di bawah ini.

Peperiksaan Akhir Tahun sudah hampir . Semua murid rajin mengulangkaji. Begitu dengan Osman. Osman banyak membuat tambahan di rumah. Dia belajar bersungguh-sungguh kerana ingin lulus peperiksaan keputusan yang cemerlang.

Bahagian I : (10 markah)

Baca petikan karangan ini dengan teliti. Kemudian, pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan yang mengikutinya.

Hari Kebangsaan Singapura jatuh pada 9 haribulan Ogos. Sebulan sebelum tarikh tersebut, semua pasukan berseragam telah sibuk membuat persiapan.

Kali ini sambutan bagi Hari Kebangsaan telah diadakan

secara besar-besaran. Ianya telah berlarutan selama beberapa hari. Berbagai acara telah diadakan umpamanya acara perbarisan, pertunjukan payung terjun, konsert dan banyak lagi. Acara perbarisan telah diadakan di Stadium Negara. Orang ramai juga dapat menyaksikan acara tersebut di Padang menerusi layar raksaksa. Sebuah konsert telah diadakan serentak di Stadium Negara dan di Padang.

Tahun ini saya hanya menyaksikan pertunjukan Hari Kebangsaan di rumah sahaja kerana saya tidak dapat membeli tiket pertunjukan. Tetapi saya berasa sangat gembira dan puas hati.

1. Bilakah rakyat Singapura menyambut Hari Kebangsaannya?
Rakyat Singapura menyambut Hari Kebangsaannya pada ...

haribulan Januari.

haribulan Ogos.

haribulan Ogos.

haribulan Mei.

2. Di manakah acara perbarisan diadakan?

Acara perbarisan telah diadakan di

Stadium Bedok.

Padang.

Stadium Tertutup.

Stadium Negara.

3. Bagaimanakah orang ramai dapat menyaksikan acara perbarisan di Padang?

Orang ramai dapat menyaksikan acara perbarisan di Padang menerusi

kapal layar. Universiti Nasional Singapura.

layar raksaksa.

televisyen.

radio.

4. Apakah yang telah diadakan serentak di stadium dan di Padang?

Acara yang telah diadakan serentak di stadium dan di Padang ialah

sebuah kapal layar.

sebuah konsert.

pertunjukan payung terjun.

acara percuma.

5. Mengapakah pengarang tidak dapat menyaksikan pertunjukan Hari Kebangsaan di stadium ataupun di Padang?

Pengarang tidak dapat menyaksikan pertunjukan Hari Kebangsaan di stadium ataupun di Padang kerana

dia hendak temankan ibunya di rumah.

dia hendak menyaksikannya di televisyen.

dia tidak memperolehi tiket.

dia malas untuk keluar rumah.

Bahagian J : (10 markah)

Baca cerita ini dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang mengikutinya. Tuliskan jawapan kamu itu di dalam ruangan yang disediakan.

Pada bulan September, saya telah mengunjungi nenek dan datuk saya di Johor. Nenek dan datuk mempunyai sebuah dusun buah-buahan. Kami ke sana dengan menaiki sebuah bas. Kami berangkat kira-kira pada pukul 8:00 malam. Perjalanan dari Singapura ke Johor mengambil masa kira-kira 1 jam.

Tiba di rumah nenek, saya terus masuk tidur. Pagi-pagi lagi saya sudah bangun. Setelah sembahyang subuh, datuk mengajak saya pergi ke pekan yang berhampiran. Kami membeli beberapa barang keperluan dapur.

Setelah sarapan, datuk mengajak saya pergi ke dusunnya. Saya membantu datuk memetik buah betik yang sudah masak. Ayah memancing ikan di sungai. Petangnya, kami pulang ke rumah. Nenek menyediakan ubi bakar. Saya suka melawat datuk dan nenek di kampung. Kami akan tinggal bersama nenek dan datuk selama seminggu. Kemudian, kami akan pulang semula ke Singapura.

1. Di manakah pengarang tinggal?

Pengarang tinggal di

2. Di manakah letaknya dusun datuk?

Dusun datuk letaknya di

3. Pengarang menolong datuk memetik apa di dusun?

Pengarang menolong datuk memetik

4. Apakah yang dilakukan oleh ayah ketika itu?

Ketika itu, ayah sedang

5. Berapa lamakah pengarang dan keluarganya akan tinggal di kampung?

Pengarang dan keluarganya akan tinggal di kampung selama